

Malaysia dan Thailand jalin ikatan lebih kuat untuk manfaat Bersama
Astro Awani
10 Julai 2023
Bernama

BANGKOK: Malaysia teguh dalam komitmennya untuk bekerjasama dengan Thailand bagi mengukuhkan hubungan dan meluaskan kerjasama dalam bidang yang mempunyai kepentingan bersama, kata Duta Besar Malaysia ke Thailand Datuk Jojie Samuel.

Beliau berkata Malaysia dan Thailand telah menjalin hubungan sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957 dan Thailand merupakan antara negara pertama yang menjalin hubungan diplomatik dengan Malaysia.

Kedua-dua negara telah menikmati hubungan rapat dan bekerjasama dalam pelbagai bidang, termasuk perdagangan, pelaburan, keselamatan, pendidikan dan pelancongan.

"Kedudukan Malaysia dan Thailand di Asia Tenggara, sebuah wilayah yang mempunyai kepelbagaian sejarah dan budaya serta diberkati dengan pelbagai sumber semula jadi.

"Kita perlu menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kemakmuran adalah penting untuk keamanan dan keselamatan serantau.

"Yakinlah, Malaysia adalah jiran dan rakan kongsi yang baik. Kami komited untuk bekerjasama dengan Thailand demi mengukuhkan kerjasama dua hala untuk manfaat bersama, dan seterusnya mengukuhkan lagi hubungan ini," katanya pada syarahan umum "Malaysia-Thailand Bilateral Relations" di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Perlis baru-baru ini.

Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan menyempurnakan majlis itu.

Jojie berkata Malaysia dan Thailand yakin untuk mencapai sasaran perdagangan dua hala sebanyak US\$30 bilion menjelang 2025.

Pada 2022, Thailand adalah rakan dagangan keenam terbesar Malaysia di dunia dan kedua terbesar dalam kalangan negara ASEAN dengan jumlah nilai perdagangan US\$27.75 bilion, katanya.

"Malaysia mengeksport barangan berjumlah US\$ 14.97 bilion ke Thailand, terutamanya produk elektrik dan elektronik, kimia, termasuk petroleum dan LNG. "Malaysia juga mengimport barangan bernilai US\$ 12.78 bilion dari Thailand, terutamanya membabitkan produk elektrik dan elektronik, peralatan pengangkutan, bahan kimia, serta mesin dan peralatan-peralatan lain," katanya.

-- BERNAMA

© 2023 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-dan-thailand-jalin-ikatan-lebih-kuat-untuk-manfaat-bersama-427342>